

| | | | |
|------------|---------------------|-------------|---------------------|
| Headline | TH bantu calon UPSR | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 07 May 2015 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 314,000 |
| Page No | 15 | Readership | 942,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 663 cm ² |
| Journalist | Mohd Rafi Mamat | AdValue | RM 22,854 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 68,563 |



Calon UPSR yang mengikuti Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR di Dewan Tan Sri Yahaya Ahmad, Institut Kemahiran MARA, Pekan, Pahang.
[FOTO MOHD RAFI MAMAT / BH]

» Komited
anjur program
di Pekan,
Raub tingkat
pencapaian
murid

Oleh Mohd Rafi Mamat
upen@bh.com.my

► Pekan

Tabung Hajji (TH) Pahang membantu calon Ujian Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dengan mengajurkan dua program khas di negeri itu.

Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR dengan kerjasama BH itu berlangsung di Pekan dan di Raub baru-baru ini.

Pengurus TH Pahang, Mohammad Mokhzani Mukhtar, berkata kira-kira 250 calon UPSR dari sekitar Raub dan Maran mengikuti program yang

TH bantu calon UPSR

berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan Gali, Maran.

Katanya, seramai 250 calon dari sekitar Pekan pula mengikuti program di Dewan Tan Sri Yahaya Ahmad, Institut Kemahiran MARA, dekat sini.

Tiga kertas

"TH Pahang dengan kerjasama BH membantu calon UPSR mengulang kaji dan meningkatkan kemahiran menjawab soalan bagi subjek Sains, Bahasa Melayu dan Matematik."

"Kami berharap mereka akan mencatat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan nanti," katanya selepas Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR di Pekan, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Penyunting Eksekutif BH, Muhd Fakhri Alias.

Program sehari itu dikendalikan oleh guru pakar BH Didik.

Mohammad Mokhzani berkata, TH Pahang akan menganjurkan Seminar Bimbingan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Kuala Lipis.

Mahu Jadi guru

Sementara itu, murid Sekolah Kebangsaan (SK) Ahmad, Pekan, Sh Anas Danial Sh Roslan, 12, berkata beliau mendapat banyak maklumat baharu menerusi seminar berkenaan.

Katanya, penceramah BH Didik berjaya memberi teknik mudah untuk mengulang kaji setiap subjek.

"Saya berharap akan mendapat keputusan 5A dalam UPSR tahun ini," katanya yang bercita-cita menjadi guru.

Latihan berterusan

Siti Sarah Sofia Ahmad

Shukri, 12, murid SK Tanah Putih, di sini, berkata peluang mendapat keputusan cemerlang semakin cerah apabila dibekalkan dengan teknik mengulang kaji yang betul.

"Saya akan gunakan sepuhnya masa yang ada untuk mengulang kaji, seterusnya melakukan latih tubi menjawab soalan peperiksaan."

"Latihan ini dapat menambahkan lagi kemahiran menjawab soalan, seterusnya berpeluang mendapat keputusan terbaik," katanya.



Guru pakar BH Didik memberi penerangan kepada peserta seminar di Pekan, Pahang.